

Jaminan Kerajaan struktur semula pinjaman FELDA

Langkah babitkan pengurangan prinsipal hutang agensi sebanyak RM7.9 bilion

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam menandatangani perjanjian membabitkan Jaminan Kerajaan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) bagi menstruktur semula pinjaman agensi itu selain mengukuhkan kedudukan kewangannya.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, sebahagian besar penstruktur semula pinjaman FELDA itu akan membabitkan pengurangan prinsipal hutang agensi berkenaan bersama institusi kewangan sebanyak RM7.9 bilion.

Katanya, ia juga akan mengurangkan kos kewangan FELDA terhadap kadar faedah yang dikenakan serta membolehkan agensi itu memberi pemansuhan 80 peratus hutang peneroka berjumlah RM8.3 bilion yang dilaksanakan pada 2021.

Anwar berkata, penstruktur semula itu dibuat melalui terbitan sukuk

dan kredit pusingan dalam usaha memulihkan kedudukan kewangan FELDA.

“Jaminan kerajaan ini dijangka dapat menstabilkan kedudukan kewangan FELDA serta menjamin model perniagaan yang lebih mampan.

“Ia supaya terus berupaya mengangkat mobiliti sosial warga peneroka dan generasi baharu FELDA,” katanya dalam kenyataan dikeluarkan Kementerian Kewangan semalam.

Di samping itu, kerajaan menambah baik tata kelola penyaluran dana kepada FELDA sebagai agensi badan berkanun kerajaan dengan melantik Amanah Raya Trustees sebagai pemegang amanah transaksi akaun.

Pelan transformasi

la bagi memastikan pelan transformasi FELDA berada di landasan yang tepat serta memenuhi keperluan akauntabiliti dan integriti.

Kerajaan juga sebelum ini bersetuju memberi Jaminan Kerajaan kepada FELDA pada 2019 bagi membolehkan agensi terbit melaksanakan pelan pemulihannya di bawah program transformasi FELDA yang bermula pada 2020 untuk tempoh lima tahun.

Februari lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said memberitahu Dewan

Rakyat, kerajaan tidak dapat meneruskan pelaksanaan penghapusan hutang peneroka FELDA berjumlah RM8 bilion, diperkenalkan pada 2021.

Azalina berkata, penghapusan hutang peneroka secara berterusan memberi impak besar terhadap aliran tunai entiti itu.

Oleh itu, katanya, kutipan balik baki hutang atau pinjaman yang dikeluarkan perlu terus dilakukan sebagai sumber pendapatan FELDA untuk kelangsungan organisasi serta kebajikan warga peneroka.

“Hal ini disebabkan kutipan hutang peneroka FELDA adalah salah satu sumber pendapatan FELDA yang penting, bersamaan dengan 10.8 peratus jumlah pendapatan jangkaan bagi tahun ini,” katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

Pada Julai 2021, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang ketika itu Perdana Menteri Ke-8, mengemukakan kerajaan secara dasar bersetuju dengan cadangan FELDA melupakan sebahagian pinjaman peneroka berjumlah RM8.3 bilion.

Pengerusi PN itu dilaporkan berkata, pelupusan berkenaan akan dilaksanakan menerusi inisiatif pelarasan pinjaman peneroka secara bersyarat, terutama bagi generasi awal yang berkorban keringat dan air mata untuk membolehkan program rancangan pembangunan tanah berkenaan dijayakan.